

Bintang Versatil Abang Don: Riezman Khuzaimi

Muhammad Haziq Bin Abd Rahman¹, Nur Ayu Nadhirah Binti Abu Bakar², Noor Rahmawati Alias³
*, dan Noor Arina Md Arifin⁴

1 Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; haziqrahman111@gmail.com;

2 Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; ayunadhirah14@gmail.com;

3 Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;  0000-0001-5788-4343

4 Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  0000-0002-2900-0026

* Correspondence: rahmawati@uitm.edu.my; +60133595939.

Abstrak: Temu bual ini telah dilakukan bersama tokoh seniman Malaysia iaitu Mohd Rizman bin Mohd Khuzaimi atau juga dikenali sebagai Riezman Khuzaimi untuk mengetahui tentang kerjaya beliau dalam bidang lakonan, pengarah dan penerbitan filem di Malaysia. Temu bual ini telah dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Tarikh temu bual tersebut adalah pada 28 Jun 2022 bersamaan dengan hari Selasa bermula jam 10 pagi sehingga 12 tengahari. Tujuan temu bual ini adalah untuk mengkaji latar belakang, sejarah hidup dan sumbangan beliau sepanjang bergelar sebagai seorang penggiat seni lakonan, pengarah dan penerbit filem. Hasil temu bual menyatakan bahawa beliau mula bergelar seorang pelakon pada tahun 90-an. Sepanjang pembabitannya dalam bidang lakonan, beliau pernah membintangi filem yang berjudul 'Congkak' hasil arahan daripada Ahmad Idham pada tahun 2008. Filem tersebut telah mendapat perhatian dari negara-negara luar seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Thailand dan pernah ditayangkan di panggung Covent Garden, London. Selain daripada itu, beliau juga pernah membintangi filem antarabangsa seperti 'Skyline Cruisers' yang berasal dari Hong Kong pada tahun 2000, arahan daripada Wilson Yip Wai-Shun. Beliau turut menjadi pembantu pengarah bagi filem Mencari Cinta yang ditayangkan pada tahun 2013. Di dalam temu bual ini Riezman Khuzaimi juga mengulas mengenai permasalahan yang dihadapi oleh artis veteran pada masa kini serta memberi pandangan mengenai industri perfileman tempatan.

Kata kunci: Industri Perfileman Tempatan, Artis Veteran, Riezman Khuzaimi, Filem Congkak, Pelakon.

DOI: XXXX



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan maklumat sejarah yang diperoleh melalui temu bual yang mengekalkan sejarah hidup seseorang atau pengalaman lalu. Sejarah lisan memberikan gambaran peristiwa atau personaliti tokoh dengan lebih lengkap dan tepat dengan menambah maklumat daripada rekod-rekod sejarah lisan seperti data, statistik, gambar, surat, rakaman peti suara, peta, diari dan bahan sejarah yang lain. Hasil rakaman sejarah lisan dapat membantu untuk memahami bagaimana individu dari pelbagai sudut pandangan yang berbeza dalam masyarakat bagi mengetahui rangkaian penuh kehidupan pada zaman mereka, dari rutin harian kepada kehidupan kerjaya.

Seniman veteran bermaksud orang yang mempunyai bakat dan kemahiran dalam bidang kreatif dengan tempoh masa yang lama serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang tersebut. Sebagai contoh pekerjaan yang melibatkan seniman ialah pelakon, penyanyi, pelukis, dan

penyair. Seniman biasanya mencipta berbagai karya kreatif hasil daripada pemikirannya yang penuh dengan nilai estetis. Karya kreatif dapat dihasilkan dalam pelbagai bentuk, contohnya lukisan, penulisan sastera, tarian, musik, drama dan film. Seniman juga memainkan peranan yang penting bagi mengembangkan idea kreativiti mereka kepada masyarakat umum.

Berdasarkan kamus dewan, lakonan bermaksud perihal memainkan sesuatu drama dengan cara menghayati watak yang berlainan daripada dirinya yang sebenar dengan baik dan memuaskan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017). Selain itu, lakonan melibatkan pelbagai kemahiran, seperti imaginasi yang tinggi, kawalan emosi, unjuran vokal, ekspresi muka dan kejelasan pertuturan. Sebagai contoh, seorang pelakon profesional boleh memainkan watak-watak fiksi yang tidak wujud dalam dunia nyata dengan penuh penghayatan. Tingkah laku ini dinamakan “berlakon”.

Kajian ini dibuat bagi memenuhi tugas akademik “oral history” yang juga bermaksud sejarah lisan. Sejarah lisan ialah keupayaan untuk mendapatkan maklumat sejarah melalui kaedah temu bual yang direkodkan daripada orang yang telah banyak menyumbang kepada negara seperti seorang seniman. Tugas ini memerlukan pengkaji untuk menemu bual seorang seniman tanah air bagi mengetahui tentang pengalaman mereka dalam industri seni. Temu bual ini akan mengumpul maklumat latar belakang dan pengalaman kerja sebagai seorang seniman negara.

Tugas ini telah dibuat dengan menemu bual seorang seniman negara iaitu Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi, juga dikenali sebagai Riezman Khuzaimi dan lebih mesra dengan panggilan Abang Don. Beliau merupakan seorang pelakon serba boleh (versatil) melakonkan pelbagai watak-watak filem dan drama. Tujuan temu bual ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat pengalaman dan kerjaya beliau sebagai seorang penggiat seni tanah air dalam industri lakonan dan perfileman. Maklumat yang diberikan oleh beliau akan dirakamkan dan direkodkan bagi memenuhi kriteria tugas sejarah lisan. Seterusnya, dokumentasi maklumat mengenai beliau akan disimpan sebagai rujukan pada masa yang akan datang.

Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi atau juga dikenali sebagai Riezman Khuzaimi merupakan seorang seniman negara dalam bidang lakonan, pengarah dan penerbitan. Beliau mula terlibat dalam bidang lakonan pada awal 90-an sehingga kini. Sepanjang bergelar seniman, beliau telah membintangi salah satu filem sensasi ketika itu yang berjudul Congkak pada tahun 2008. Di samping itu, beliau juga pernah membintangi filem antarabangsa yang berjudul Skyline Cruisers, yang merupakan filem dari Hong Kong, arahan daripada Wilson Yip Wai-Shun.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Seniman veteran merupakan seseorang yang berpengalaman luas dan bertahun-tahun dalam industri seni. Kehadiran mereka sejak awal era 1970-an telah memberi sumbangan besar kepada industri hiburan tempatan serta telah menjadikan Kuala Lumpur sebagai kota yang penuh dengan kesenian yang dinamik dan menjadi tumpuan hiburan warga kota (Zambry, 2022). Kehadiran insan seni ini suatu ketika dahulu telah mewarnai industri seni dan menghiburkan penduduk tempatan di kala suka dan duka, serta menceriakan hari menerusi televisyen (TV) dan radio dengan hasil karya dan bakat mereka. Namun, sumbangan seni dan budaya mereka kepada masyarakat yang dahulunya sentiasa menjadi tumpuan peminat dan dikagumi ramai semakin dipinggirkan dan dilupakan oleh segelintir masyarakat.

Nilai sebagai artis lama semakin berkurangan dan kian menghilang. Apabila artis veteran semakin menghampiri usia senja, sumbangan mereka akan mulai kurang dihargai. Penggiat seni

veteran dan baru kini diangkat secara berbeza. Yang muda lebih diagungkan dan yang tua sering dilupakan oleh sesetengah pihak. Menurut artikel terbitan Ashari (2019), pelakon dan pelawak veteran Sharizan Ahmad atau dikenali sebagai Abon berkata: “Industri seni masih melayan artis dengan cara yang tidak adil”. Pelakon veteran dikatakan tidak mendapat layanan setimpal daripada penerbit filem dan drama terutamanya melibatkan soal bayaran. Tawaran bayaran yang diberikan kepada artis veteran adalah tidak berbaloi dengan bakat dan pengalaman mereka yang telah lebih daripada 40 tahun berkecimpung dalam industri kreatif. Menurut sumber Berita Harian yang ditulis oleh Mahmud dan Mohd Sallehuddin (2021), segelintir artis senior juga mendakwa mereka ibaratkan telah dihina oleh syarikat produksi dengan menawarkan bayaran yang tidak setimpal kepada mereka. Tambahan pula, nasib artis senior kini boleh dikatakan “menganggur” dimana mereka tidak berpeluang untuk membuat persembahan dan berlakon dalam produksi tempatan mahupun dijemput untuk muncul di kaca televisyen (TV). Sebaliknya, diberikan tawaran berlakon kepada artis muda (Mohd Sallehuddin, 2022) dan ini menunjukkan sifat pilih kasih serta berat sebelah oleh segelintir penerbit produksi pada hari ini.

Selain tu, ilmu, pengalaman dan sumbangan seniman veteran sebagai pemangkin industri kreatif semakin dilupakan setelah pemergian mereka. Mendokumentasi atau merakamkan karya-karya sumbangan artis terhadap industri kreatif adalah amat diperlukan agar karya dan sumbangan mereka akan terus kekal diingati, dihargai serta boleh dikagumi generasi hari ini dan generasi seterusnya. Oleh itu, sejarah lisan perlu diterapkan di kalangan masyarakat. Persatuan Seniman Malaysia perlu mengambil inisiatif untuk memastikan sumbangan artis veteran tidak ditelan zaman dan pihak yang berkenaan harus memastikan artis lama dan artis baru dilayan secara sama rata terutamanya dari segi nilai bayaran.

Akhir sekali, perfileman tempatan dikatakan kurang berkualiti, dan kurang mendapat sambutan yang ramai. Menurut Haja Mohaideen dan Abu Bakar (2018), kutipan tiket bagi semua filem tempatan semakin menurun dari tahun ke tahun. Hal ini telah menjadi penghalang kepada produk tempatan untuk dipasarkan di luar negara dan seringkali menjadi saingan dengan filem luar negara. Hal ini juga dikaitkan dengan pemilihan pekerja-pekerja filem dan artis untuk dilakonan dalam sesuatu filem. Oleh itu, pemilihan artis yang berpengalaman seperti artis veteran adalah penting untuk menghasilkan filem yang berkualiti tinggi. Di samping itu juga, pelakon yang baru sahaja berkecimpung dalam industri perfileman haruslah menjadikan pengalaman pelakon veteran sebagai panduan dan model serta mencari ilmu sebagai tambahan kepada bakat lakonan yang ada (Mahmud, 2021).

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dibuat bagi memenuhi beberapa objektif sebagaimana berikut:

1. Mengkaji latar belakang, pengalaman serta biografi tokoh seniman veteran Riezman Khuzaimi.
2. Mengenal pasti sumbangan dan penglibatan tokoh seniman veteran Riezman Khuzaimi dalam industri seni lakonan dan perfileman.
3. Mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh artis veteran.
4. Mengetahui pandangan dan harapan tokoh seniman veteran Riezman Khuzaimi terhadap industri perfileman pada masa kini.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berasaskan kepada objektif kajian, beberapa persoalan telah dikenal pasti bagi memenuhi objektif yang ditetapkan sebagaimana berikut:

1. Siapakah tokoh seniman veteran Riezman Khuzaimi?
2. Apakah sumbangan dan penglibatan seniman veteran Riezman khuzaimi dalam industri seni lakonan?
3. Apakah permasalahan yang dihadapi oleh artis veteran?
4. Apakah pandangan dan harapan tokoh seniman veteran Riezman Khuzaimi terhadap industri perfileman pada masa kini?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah bagi mendapatkan maklumat sumber primer mengenai tokoh seniman negara. Hal ini demikian kerana, kurangnya aktiviti pendokumentasian mengenai seniman veteran di negara kita. Kebanyakan maklumat mengenai seniman veteran boleh diperolehi melalui dalam talian dan laman sesawang di Internet. Walau bagaimanapun, segala maklumat yang terdapat di internet adalah tidak semestinya tepat, benar dan berasaskan fakta daripada seniman itu tersendiri. Sebagai contoh, Wikipedia merupakan salah satu sumber maklumat yang tidak boleh dipercayai sepenuhnya kerana maklumat yang terdapat pada laman sesawang tersebut boleh diolah dan diubahsuai oleh sesiapa sahaja. Oleh yang demikian, dokumentasi ini akan mendapatkan sumber fakta yang sah, tanpa diolah dan tepat daripada seniman itu sendiri.

Selain itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti sumbangan seniman negara dalam bidang industri kreatif. Sumbangan seniman veteran amatlah besar dan tidak terkira sepanjang penglibatan mereka dalam bidang seni tanah air. Sebagai contoh, sumbangan melalui watak lakonan, tenaga, karya dan idea bagi memastikan industri seni terus berkembang. Walaubagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, sumbangan seniman veteran kian dilupakan oleh masyarakat pada masa kini. Natiujahnya, generasi muda sekarang tidak begitu mengenali tokoh-tokoh seniman terdahulu yang berhempas pulas membanting tulang membawa industri seni tanah air ke mata dunia. Oleh yang demikian, kajian ini akan membuka mata orang ramai bagaimana seniman-seniman terdahulu menyumbang karya dan idea-idea kreatif kepada negara. Seterusnya, kajian ini dapat memberikan maklumat dan pandangan mengenai industri perfileman serta bagaimana cara untuk mempertingkatkan kualiti filem dan drama pada masa kini yang semakin hari kurang mendapat sambutan. Masyarakat tempatan sekarang lebih tertumpu kepada filem dan drama luar negara seperti filem Korea, Hollywood dan Bollywood berbanding dengan karya tanah air sendiri.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan mampu memberi maklumat-maklumat penting mengenai seniman veteran dan dapat digunakan oleh generasi akan datang sebagai rujukan kepada mereka. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dengan mencatat segala maklumat yang diperolehi melalui kaedah temu bual bersama tokoh yang dipilih. Sebagai contoh, maklumat berkenaan latar belakang, pendidikan, sumbangan, dan harapan serta pandangan tokoh seniman. Maklumat-maklumat tersebut akan didokumentasikan dan disimpan oleh pihak universiti sebagai rujukan pada masa akan datang. Kesudahannya, maklumat yang disimpan tersebut merupakan maklumat yang tepat, sah dan boleh dipercayai berbanding maklumat-maklumat daripada sumber yang lain.

6. TINJAUAN LITERATUR

6.1 *Sejarah Lisan*

Sejarah lisan ialah kaedah penyelidikan sejarah yang boleh digunakan untuk mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah. Sejarah lisan amat penting dalam merekodkan peristiwa lampau yang pernah dilalui seseorang (Lin, 2020). Menurut Rashid (2013), pilihan dan skop topik dalam mana-mana projek sejarah lisan tidak sepenuhnya terhad kepada sejarah tetapi juga boleh termasuk disiplin lain yang terdiri daripada topik seperti Biografi, Sejarah tempatan, Budaya, Ekonomi, Sastera, Sosiologi, Perubatan, Muzik, Sains dan teknologi, Sejarah, Seni Persembahan, Pentadbiran dan Seni visual. Melalui sejarah lisan, ahli sejarah boleh melengkapkan sesuatu peristiwa dengan mengumpul maklumat sejarah daripada individu yang terlibat dalam peristiwa lampau. Tokoh atau individu yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang mampu menyumbangkan pengetahuan bersejarah yang diperoleh berdasarkan penglibatan dan pengalaman peribadi mereka sendiri, atau kerana perhubungan secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu.

Kajian oleh Saad et al. (2012), turut menyokong bahawa sejarah lisan merupakan teknik penyelidikan moden dimana tujuannya adalah untuk memelihara fakta sejarah melalui pengkisan atau penceritaan. Kaedah ini melibatkan proses wawancara individu tertentu yang terlibat secara langsung dengan peristiwa sejarah atau yang hanya menyaksikannya. Seterusnya, wawancara tersebut akan direkodkan ke dalam pita. Menurut Haron (1979), rakaman tersebut akan disalin, disunting dan dibuat pembetulan atau semakan yang perlu oleh penganjur dan orang yang ditemuduga, sebelum diterbitkan untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Maklumat sejarah yang dikumpul tersebut akan digunakan oleh pengkaji sebagai sumber penulisan sejarah sama ada dalam bentuk rakaman atau transkrip.

Sejarah lisan di Malaysia merupakan antara negara terawal yang menganjurkan kolokium sejarah lisan dan mewujudkan sebuah program sejarah lisan. Namun perkembangannya sejak tahun 1963 sehingga kini agak perlahan (Gopal et al., 2021). Di Malaysia, sama seperti negara lain, kisah dan pengalaman masa lampau akan cepat menghilang. Lebih-lebih lagi pada zaman ini di mana manusia boleh berkomunikasi dengan pantas melalui telefon, faks, e-mel atau bersemuka, tradisi menulis surat panjang, mencatat nota harian dan memo yang lengkap menjadi kurang penting. Dalam hal ini, sejarah lisan amat penting dalam memastikan tidak semua perkembangan atau peristiwa dilupakan atau hilang sebagai bukti sejarah. Hasil kajian Sejarah lisan juga amat penting dalam penyelidikan kerana membantu kepada penemuan baru serta membantu kita untuk lebih memahami peristiwa lalu (Omar dan Al, 2012).

Selain itu, sejarah lisan adalah sumber yang berharga kerana ia merupakan sumber tidak bertulis yang hanya didapati melalui penyampaian secara lisan yang disampaikan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Keupayaan untuk mengekalkan maklumat berkenaan amat bergantung kepada ingatan dan memori seseorang penutur (Gopal et al., 2021). Namun begitu, terdapat banyak halangan untuk menulis semula sejarah kerana Malaysia kekurangan sumber penting. Masalah ini lebih serius kerana rakyat Malaysia tidak kerap menulis diari, menulis dokumen, atau menulis biografi (Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, 2025). Oleh itu, penyelidikan ini penting untuk menerapkan penggunaan sejarah lisan di Malaysia bagi mengekalkan peristiwa yang tidak direkodkan dan umumnya tidak dikenali pada masa lalu sebagai bukti sejarah. Untuk memajukan penulisan sejarah Malaysia, penulisan ini tidak semestinya memberi tumpuan kepada orang terkenal atau peristiwa penting yang berlaku pada masa tertentu. Harus kita semua diingatkan bahawa sejarah juga

termasuk cerita dan peristiwa orang awam (Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, 2025).

6.2 Artis Veteran

Seniman veteran telah menjadi topik dalam pengkajian sejarah lisan ini. Menurut kamus dewan dan bahasa, seniman atau sinonimnya artis merupakan orang yang mempunyai bakat seni dan dapat mencipta hasil seni serta dapat memperagakan hasil seninya itu. Dalam kategori lakonan, seniman bermaksud bintang filem yang telah melibatkan diri dalam perfileman dalam suatu tempoh yang panjang dan telah mencapai tahap yang tertentu. Mereka mempunyai pengalaman luas dan telah banyak memberi sumbangan dalam industri kreatif tempatan. Namun begitu, seniman veteran kini diberikan layanan yang tidak adil (Ashari, 2019) di mana nilai mereka sebagai artis veteran semakin menyusut (Mahmud dan Mohd Sallehuddin, 2021). Segelintir syarikat produksi menawarkan bayaran yang tidak setimpal dan dianggap sebagai satu penghinaan kepada artis veteran. Para artis veteran juga tidak berpeluang untuk membuat persembahan dan lakonan disebabkan oleh sifat penerbit teragak-agak untuk menawarkan artis veteran berlakon dalam produksi mereka. Ia juga dibincangkan dalam artikel oleh Azam (2019), di mana artis veteran kini kurang mendapat tawaran pekerjaan, dan dalam pada masa yang sama mengalami masalah kewangan.

Walaupun bakat dan pengalaman artis veteran diiktiraf, namun mereka tidak menerima bayaran tinggi untuk pekerjaan dan sumbangan yang mereka berikan. Bernama (2022) juga bersetuju dengan kenyataan ini di mana bakat seseorang pelakon atau penghibur veteran di Malaysia tidak dihargai oleh segelintir pihak terutama syarikat produksi filem, dimana syarikat produksi lebih mementingkan artis yang jumlah pengikut di media sosial adalah ramai berbanding dengan bakat yang mereka ada. Hal ini sangat berbeza di luar negara kerana mereka lebih menghargai bakat yang ada pada seseorang seniman. Oleh itu, Persatuan Seniman Malaysia dan Persatuan Sejarah Lisan Malaysia perlu mengambil inisiatif untuk memastikan sumbangan artis veteran lebih dihargai.

6.3 Tokoh Riezman Khuzaimi

Riezman Khuzaimi merupakan salah seorang artis yang dipilih sebagai tokoh seniman veteran. Beliau merupakan anak kelahiran Perak dan seorang pelakon filem tanah air yang telah berkecimpung dalam industri perfileman sejak tahun 90-an sehingga kini. Menurut Riezman Khuzaimi menerusi komunikasi peribadi (2022), sepanjang penglibatan beliau dalam industri perfileman, beliau telah berjaya membintangi filem sebanyak 58 buah filem. Filem pertama yang dibintangi beliau adalah 'K.L.U' pada tahun 1999, dan memegang watak sebagai seorang pelajar universiti. Beliau merupakan seorang artis veteran versatil yang mampu melakonkan pelbagai watak dan berjaya membintangi pelbagai genre filem dan drama. Beliau juga merupakan salah seorang artis muda pada tahun 90-an yang berjaya ditawarkan oleh produksi luar untuk turut membintangi filem luar negara.

6.4 Industri Perfileman Malaysia

Filem ialah satu bentuk seni yang mempunyai prinsip dan gaya tersendiri. Setiap bentuk yang dihasilkan mempunyai corak perkembangan tersendiri dari awal hingga akhir filem, termasuk peranan seperti "mise-en-scene", penggambaran, penyuntingan, dan bunyi dalam membentuk gaya naratif dan visual filem (dubbing). Sesebuah filem itu dapat menyampaikan mesej dan memberikan kesan psikologi melalui struktur dan gayanya kepada penonton (Kamarulzaman, 2007). Perfileman sering disalahertikan oleh masyarakat dengan menganggap filem sebagai dasar hiburan semata-mata dan

hanya menyampaikan apa yang penonton mahu adalah tidak benar (Mohaideen, 2016). Menurut Abdul Wahab dan Ahmad (2009), industri filem tidak boleh dianggap sebagai hanya institusi hiburan, tetapi sebagai institusi yang disemai dengan ideologi-ideologi tertentu.

Industri perfileman tempatan kini menjadi saingan dengan filem luar negara. Dengan kemasukan filem-filem daripada luar terutamanya Hollywood, industri perfileman tempatan terpaksa bergelut untuk merebut perhatian khalayak ramai memandangkan warga Malaysia lebih menggemari filem daripada produksi luar berbanding tempatan. Ini selaras dengan perkembangan semasa era globalisasi serta penghasilan pelbagai teknologi canggih yang memberikan tekanan kepada industri perfileman tempatan. (Hassan et al., 2016). Walau bagaimanapun, di dalam dunia perfileman, seorang pengarah dan penerbit merupakan individu yang paling penting dalam menentukan kejayaan sesebuah produksi. Malah, seorang pengarah berhak untuk menentukan artis dan staf yang akan terlibat dalam penghasilan filem (Haja Mohaideen dan Abu Bakar, 2018). Menurut Haja Mohaideen dan Abu Bakar (2018), menerbitkan dan menghasilkan filem tidak semudah yang disangka, pelbagai masalah menimpa pengarah dan penerbit filem di Malaysia sehingga memaksa mereka melakukan sesuatu yang tidak dijangka.

7. METODOLOGI

Temu bual ini dilakukan bersama seorang pelakon yang terkenal tanah air iaitu Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi atau juga lebih dikenali sebagai Riezman Khuzaimi. Temu bual ini dilaksanakan untuk mengkaji mengenai kerjaya beliau dalam bidang seni tanah air (perfileman dan lakonan). Setelah perbincangan dilakukan kedua belah pihak bersetuju untuk melakukan sesi temu bual tersebut yang dijalankan secara dalam talian bertarikh 28 Jun 2022. Berikut adalah penerangan berkaitan metodologi kajian yang telah dijalankan.

7.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan kajian yang digunakan untuk mendokumentasi sejarah lisan ini ialah dengan menggunakan kaedah menemu bual seniman tersebut secara dalam talian. Platform yang digunakan ialah melalui aplikasi Google Meet. Aplikasi Google Meet membolehkan pengguna untuk menjemput orang lain untuk berkomunikasi melalui panggilan video. Peralatan yang digunakan untuk sesi temu bual ini ialah komputer riba, telefon pintar dan fon telinga. Selain menggunakan kaedah temu bual, penyelidik juga menggunakan teknik menganalisa dokumen-dokumen digital di internet bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai tokoh seniman tersebut.

7.2 Peserta Kajian

Peserta kajian yang dipilih untuk di temu bual merupakan seorang seniman veteran tanah air iaitu Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi atau nama pentasnya Riezman Khuzaimi. Beliau merupakan seorang pelakon terkenal kerana telah membintangi pelbagai iklan, drama, dan filem-filem tempatan serta luar negara. Antara filem-filem sensasi yang dibentangi beliau ialah filem Congkak, Santau dan Baik Punya Cilok. Filem-filem tersebut telah mendapat sambutan yang hangat ketika ditayangkan pada masa itu. Riezman Khuzaimi dilahirkan pada 12 Mac 1970 di Taiping, Perak, Malaysia. Beliau dibesarkan di Kuala Lumpur dan sekarang menetap bersama isteri beliau di Shah Alam. Selain itu, beliau telah menerima pendidikan awal sekolah di Sekolah Kebangsaan Padang Tembak, Kuala Lumpur. Beliau memulakan kerjaya lakonan pada tahun 1995 dengan membintangi beberapa slot iklan televisyen. Kini beliau masih lagi bergiat aktif dalam bidang lakonan, malah turut menguruskan perniagaan restoran dan jualan produk beliau.

7.3 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur yang digunakan untuk mengumpul data ialah dengan melakukan carian informasi melalui alam maya dan dengan menggunakan kaedah temu bual secara talian bersama seniman yang dipilih. Informasi pencarian di alam maya menemukan beberapa artikel, keratan akhbar dan laman sesawang mengenai seniman Riezman Khuzaimi. Informasi-informasi tersebut menceritakan mengenai watak lakonan yang dibintangi beliau sepanjang bergelar seorang pelakon. Seterusnya, kaedah temu bual juga dijalankan bagi mendapatkan informasi yang lebih mendalam mengenai kerjaya beliau sebagai seorang seniman. Temu bual tersebut akan direkodkan bagi proses melakukan transkrip di akhir kajian ini.


8. HASIL KAJIAN

8.1 Biografi Riezman Khuzaimi: Latar Belakang

Hasil daripada temu bual ini telah mendapati bahawa Mohd Rizman Bin Mohd Khuzaimi atau lebih dikenali sebagai Riezman Khuzaimi, merupakan seorang pelakon dan pengarah industri seni tanah air. Beliau dilahirkan pada 12 Mac 1970 di Taiping, Perak. Beliau kini yang berumur 55 tahun dan masih lagi bergiat aktif dalam bidang lakonan. Beliau merupakan anak yang kedua daripada empat adik beradik. Ibu beliau bernama Siti Fauziah Wan Sheikh dan bapa beliau bernama Mohd Khuzaimi Abdul Aziz. Pada awal kehidupan, beliau telah dibesarkan di Kuala Lumpur dan bersekolah di Sekolah Rendah Padang Tembak. Beliau telah menamatkan persekolahan rendah pada tahun 1982 dan melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah di SMK Padang Tembak, Kuala Lumpur. Di sekolah menengah, beliau ialah seorang yang aktif, di mana beliau telah menyertai Persatuan Kadet Remaja Sekolah dan seorang pemain bola sepak sekolah.

Perkahwinan pertama beliau pada tahun 2001 dengan pelakon Kartina Ayub dikurniakan dua cahaya mata, Afiq Kiraman dan Ruzain Nars. Mereka berpisah pada tahun 2015 dan Kartina bersama anak-anak sekarang menetap di Australia. Pada 15 Disember 2016 Riezman telah memilih menjalani kehidupan rumahtangga bersama Datuk Normaziah Sheikh Mohammad dan pasangan bahagia ini menetap bersama di Shah Alam, Selangor. Terkini Riezman juga aktif menjalankan perniagaan dalam bidang hartanah di samping kerjayanya sebagai seorang pelakon.

8.2 Bintang Versatil: Pengalaman dan Sumbangan Riezman Khuzaimi



Gambar 1: Aktor Riezman Khuzaimi

Riezman Khuzaimi yang dikenali dengan gelaran “Abang Don” merupakan seorang pelakon versatil yang boleh membawa pelbagai jenis watak di dalam drama ataupun filem. Sebelum menjadi pelakon profesional sepenuh masa, beliau telah memulakan kerjaya dengan berkerja di Syarikat Telekomunikasi di Malaysia, iaitu Celcom sebagai pekerja khidmat pelanggan dari tahun 1992 sehingga 1995. Permulaan kerjaya beliau sebagai seorang pelakon bermula semasa persekolahan menengah, dimana ketika itu beliau berumur 16 tahun dan mula berjinak-jinak dalam lakonan dengan mengikuti kakaknya Shirin Khuzaimi ke set pengembaraan. Beliau bermula dengan lakonan iklan sebelum dipanggil untuk berlakon di dalam drama dan filem. Selain itu, dengan mengidolakan Eman Manan, beliau semakin bersemangat untuk terus berlakon dan mengasahkan bakat lakonan beliau dengan menonton filem-filem Hollywood. Walaupun banyak cabaran yang dihadapi oleh beliau untuk menjadi seorang pelakon profesional, beliau tidak pernah berputus asa dan ingin membuktikan kepada masyarakat bahawa bidang lakonan ini juga memerlukan ilmu yang luas.

Reizman telah menceburi bidang lakonan selama 30 tahun dan telah membintangi 58 filem dan beratus-ratus drama. Beliau membintangi filem pertama kalinya melalui filem K.L.U (Kuala Lumpur Universiti) pada tahun 1999 arahan Ricky Uy. Ketika itu beliau memegang watak sebagai seorang pelajar universiti. Apa yang membuatkan Riezman Khuzaimi seorang pelakon versatil adalah kerana watak-watak yang dibawa olehnya di dalam filem dan drama. Antara watak-watak tersebut adalah askar, jeneral, orang buta, panas barang, bipolar dan banyak lagi. Walaupun watak yang diberikan kepada beliau bertentangan dengan karakter diri sendiri, beliau masih dapat untuk membawa watak tersebut dengan penuh karisma dan jiwa yang mendalam.

Riezman Khuzaimi merupakan pelakon yang serba boleh, mampu menjiwai pelbagai watak yang diberikan kepada beliau. Selain daripada itu, beliau juga pernah beraksi dalam filem luar negara iaitu “Skyline Cruisers” arahan Wilson Yip pada tahun 2003. Filem tersebut adalah filem yang berasal daripada Hong Kong dan Riezman Khuzaimi adalah satu-satunya pelakon tempatan yang terpilih melalui uji bakat yang diadakan di Malaysia. Oleh itu, beliau berasa sangat bangga dengan pencapaian beliau kerana dapat berlakon bersama-sama dengan artis antarabangsa seperti Jordan Chan, Leon Lai, dan Shu Qi.

Filem seram ‘Congkak’ yang dilakonkan beliau pada 2008 di bawah arahan Ahmad Idham Nazri dan penerbit David Teo daripada Metrowealth, telah mendapat sambutan hangat daripada dalam dan luar negara. Beliau melakonkan watak sebagai ayah kepada dua orang anak yang membawa keluarganya bercuti, namun berlaku kisah yang tidak diingini di sepanjang percutian mereka. Keistimewaan filem tersebut ialah apabila filem tersebut berjaya dibawa ke luar negara dan pernah ditayangkan di panggung ‘Covent Garden’ di London. Filem tersebut mendapat sambutan yang amat menggalakkan disebabkan elemen yang dibawa di dalam filem tersebut iaitu permainan tradisional congkak. Beliau juga membintangi filem ‘Santau’ yang juga pernah mendapat sambutan hangat pada suatu ketika dahulu. Beliau melakonkan watak sebagai salah seorang jiran yang mempunyai tabiat buruk dengan menyantau jiran sebelah rumahnya sendiri.

Selain daripada berlakon, beliau juga merupakan seorang pengarah. Walaupun tidak berapa aktif dalam bidang pengarah, beliau telah menghasilkan karya-karya sehingga ditayangkan di panggung dan televisyen. Antara drama di bawah arahan beliau adalah drama ‘Dendam’ yang telah disiarkan dalam televisyen saluran RTM. Manakala bagi filem arahnya bersama kakaknya Shirin Khuzaimi ialah filem ‘Mencari Cinta’ yang telah ditayangkan di panggung pada 2013. Filem tersebut telah dibintangi oleh artis terkenal tanah air iaitu Rusdi Ramli dan Nora Danish. Sebagai seorang pengarah, Riezman Khuzaimi turut menyatakan elemen-elemen yang beliau tekankan dalam memilih seseorang untuk berlakon di bawah arahan beliau. Antara elemen tersebut ialah pelakon mestilah menjiwai watak dan bukannya sekadar melakonkan watak yang diberi bagi memberikan kesan mendalam kepada penonton.

8.3 Artis Veteran Susut Nilai: Cabaran Seniman Veteran

Seniman veteran merupakan seseorang yang berpengalaman luas dan mewarnai industri seni dengan hasil karya dan bakat mereka dalam tempoh yang lama. Kehadiran mereka sejak awal era 1970-an telah memberi sumbangan besar kepada industri hiburan tempatan. Namun, terdapat beberapa isu yang dihadapi oleh seniman veteran pada masa kini. Antaranya ialah isu susut nilai di mana bayaran yang ditawarkan adalah tidak setimpal dengan bakat dan pengalaman para pelakon veteran yang telah berpengalaman lebih daripada 40 tahun dalam industri kreatif. Hal ini telah merisaukan dan membimbangkan barisan pelakon veteran pada masa kini. Seperti yang telah dibincangkan dan dibentangkan pada kajian literatur, nilai artis lama semakin berkurangan dan terdapat diskriminasi oleh segelintir pihak produksi dalam pemilihan artis untuk dilakonan di dalam produksi mereka. Bagi Riezman Khuzaimi, sebagai salah seorang artis veteran, beliau berkata isu tersebut bukanlah menjadi penghalang untuk beliau meneruskan kerjaya sebagai seorang seniman tanah air. Beliau akan menolak dengan baik tawaran lakonan jika bayaran ditawarkan oleh penerbit tidak setimpal dengan profesionalisme beliau dalam membintangi sesuatu watak, sebaliknya memilih bayaran yang bersesuaian dengan bakat beliau ada.

Selain isu bayaran tidak setimpal, layanan kelas kedua dan diugut syarikat produksi juga antara isu yang ketara yang dihadapi oleh artis veteran pada masa kini (Mahmud dan Mohd Sallehuddin, 2021). Hal ini amat berbeza dengan Negara Hollywood dan Bollywood, semakin meningkatnya usia seseorang artis, semakin tinggi nilai bayarannya. Sebaliknya di Malaysia, apabila artis mencapai usia senja, gaji mereka berkurangan berbanding artis muda. Pelakon veteran semakin kurang mendapat peluang untuk berada di kaca TV, yang serba sedikit telah menjejaskan kerjaya mereka. Apabila mereka mendapat tawaran lakonan, bayaran yang diberikan biasanya jauh lebih kecil daripada yang ditawarkan kepada ramai pelakon baharu (Ahmad, 2018). Ini kerana situasi hiburan masa kini yang lebih melihat kepada populariti artis yang dikira daripada jumlah peminat termasuk menerusi pelbagai perkhidmatan di media sosial. Selain itu, sesetengah penerbit takut untuk mengupah pelakon veteran yang popularitinya sudah berkurangan sehingga boleh menyebabkan drama tersebut ditolak oleh stesen TV.

Riezman Khuzaimi juga mengkaitkan isu bayaran murah kepada artis veteran dengan kualiti filem di Malaysia yang semakin menurun. Beliau berpendapat sesetengah penerbit mementingkan bajet (bayaran) yang ingin dikeluarkan untuk menghasilkan sesebuah filem sehingga terpaksa membayar pelakon yang kurang pengalaman demi untuk mengeluarkan bajet yang sedikit berbanding dengan artis veteran yang mempunyai berpuluh tahun pengalaman. Hal ini kerana artis veteran menolak bayaran rendah yang ditawarkan kepada mereka yang tidak setimpal dengan ilmu dan pengalaman yang mereka ada. Akibatnya, kualiti filem Malaysia kini kurang berkualiti meskipun dunia semakin canggih.

8.4 Industri Perfileman Tempatan: Pandangan Riezman Khuzaimi

Menurut penyelidikan yang dijalankan oleh Ismail (2008), sebuah filem adalah imej yang dihasilkan dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yang ditulis, diproses dalam bentuk dialog, visual, dan bunyi, yang kemudiannya dirakam menggunakan kamera, diproses menggunakan pelbagai kaedah teknikal, dan dibangunkan menjadi karya seni dengan minat dan matlamat yang berbeza-beza untuk dipaparkan melalui tayangan dipentas dan televisyen. Disebabkan oleh filem dihasilkan mempunyai matlamat tersendiri, ianya pasti memainkan peranan dalam masyarakat, selain mencerminkan dan menyatakan unsur-unsur masyarakat yang sering kurang diperlihatkan termasuk estetikanya. Berdasarkan permasalahan kajian dan tinjauan literatur, industri perfileman tempatan sering menjadi saingan dengan filem luar negara disebabkan oleh kualiti filem tempatan yang kurang memberasangkan. Hasilnya, filem Malaysia kurang mendapat perhatian

serta sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat tempatan serta tidak dapat dibawa masuk ke negara luar.

Berdasarkan hasil temu bual bersama Riezman Khuzaimi (2022), beliau berpendapat perfileman Malaysia kurang mendapat sambutan yang menggalakkan kerana segelintir penerbit terlalu mengutamakan bajet dalam pembikinan sesebuah filem berbanding hasil akhir sesebuah filem sehingga menyebabkan kualiti sesebuah filem itu menurun. Menurut beliau, penerbit sering kali menawarkan watak lakonan kepada pelakon muda yang kurang pengalaman berbanding dengan artis veteran yang mempunyai lebih banyak ilmu dan pengalaman demi mengurangkan pengeluaran bajet yang banyak. Terdapat juga segelintir penerbit menawarkan tawaran lakonan kepada artis berpengalaman tetapi ditolak oleh mereka disebabkan harga yang ditawarkan terlalu rendah dan tidak setimpal dengan bakat dan ilmu mereka. Haja Mohaideen dan Abu Bakar (2018) juga menyokong kenyataan Riezman Khuzaimi di mana kekurangan dana dan modal menjadi salah satu punca filem yang diterbitkan kurang berkualiti. Kebanyakan filem yang dihasilkan bergantung kepada dana kerajaan atau pinjaman bank, menyebabkan pengeluaran perlu dilakukan dengan cepat dan segera dalam tempoh yang singkat. Ini disebabkan oleh produksi tidak mahu menanggung kos yang tinggi kerana menyewa peralatan, krew dan melantik pekerja sambilan.

Selain itu, Riezman juga berpendapat filem tempatan yang dihasilkan kebanyakannya berkisarkan jalan cerita yang sama dan sering kali ditonton oleh penonton seperti filem cinta, menyebabkan sesebuah filem itu tidak mendapat sambutan daripada luar negara. Menurutnya, jika penerbit ingin menghasilkan filem berkisarkan cerita cinta, jalan cerita itu perlulah unik dan mempunyai unsur budaya tempatan serta dapat memberikan pengajaran dan manfaat kepada masyarakat setempat. Tambah beliau lagi, penerbit haruslah bijak dalam menerbitkan filem yang dapat memartabatkan filem tempatan dengan menyelitkan budaya-budaya yang ada di Malaysia. Contohnya, Filem 'Congkak' pada tahun 2008 telah mendapat sambutan hangat di dalam dan di luar negara dengan elemen yang dimasukkan di dalam filem genre seram tersebut iaitu alat permainan tradisional Malaysia (congkak). Hal ini telah menarik perhatian orang luar negara untuk lebih mengenali budaya kita dan filem tersebut telah berjaya ditayangkan dipanggung 'Covent Garden' di London, United Kingdom.

Filem tempatan terhangat masa kini menurut Riezman adalah filem 'Mat Kilau' yang berkisarkan sejarah Malaysia yang telah diterbitkan, dan bagus untuk dijadikan contoh untuk penghasilan filem pada masa yang akan datang. Filem ini telah mendapat sambutan bukan Sahaja di Malaysia bahkan di negara-negara jiran seperti Indonesia, Brunei, dan Singapura. Artikel yang ditulis oleh Bernama (2017), juga menyokong pandangan Riezman Khuzaimi mengenai punca utama filem tempatan tidak dapat dibawa ke antarabangsa adalah disebabkan ketiadaan dan kekurangan unsur sejagat, serta jalan cerita yang lemah. Presiden Persatuan Sutradara Filem Malaysia (FDAM) Othman Hafsham berkata "Filem kita jarang berada dalam senarai lima filem teratas pecah panggung yang banyak didominasi filem antarabangsa".

Riezman Khuzaimi (2022), berpendapat kehadiran para pelakon baharu dapat menjadi pelapis artis veteran. Namun, seseorang artis itu hendaklah konsisten dan terus belajar untuk menjadi seorang artis profesional, serta tidak menjadikan dunia lakonan sebagai satu platform untuk kemasyhuran semata-mata. Ini kerana tanpa ilmu dan bakat yang sentiasa digilap, seseorang artis tidak dapat bertahan lama, dan ini memberikan kesan negatif kepada kulaiti filem yang dihasilkan. Para barisan artis baharu haruslah mempersiapkan jiwa dan mental mereka untuk menceburi seni kreatif kerana seni kreatif memerlukan seseorang yang berjiwa kreatif. Menurut artikel yang ditulis oleh Awaludin (2021), pelakon Mawi menyatakan kepentingan persediaan mental dan fizikal bagi para artis yang baru memasuki bidang seni bagi mengelakkan kejutan budaya. Mereka juga perlu bersedia menghadapi cabaran yang perlu diharungi sepanjang perjalanan menjadi seorang artis, dan tidak harus menjadikan

populariti sebagai fokus utama. Artikel yang ditulis oleh Jefri (2021) juga menyokong kenyataan tersebut, di mana pelakon terkenal Izara Aishah menyatakan bahawa sesiapa ingin menceburi bidang lakonan hendaklah terlebih dahulu belajar serta mendalami ilmu lakonan (mendalami watak yang dilakonkan), dan tidak meletakkan harga bayaran terlalu rendah kerana ianya akan mengganggu harga pasaran.

Seterusnya, Riezman Khuzaimi (2022) juga mengulas mengenai permasalahan filem tempatan yang kurang maju dan tidak dapat dibawa ke luar negara adalah disebabkan sistem perfileman panggung Malaysia itu sendiri. Sistem perfileman panggung tempatan tidak membenarkan filem-filem tempatan yang ditayangkan di panggung wayang bagi suatu tempoh masa yang panjang sekiranya jumlah penonton atau kutipan jualan tiket tidak mencapai tahap yang memuaskan pada beberapa hari yang terawal. Berdasarkan hasil kajian yang dikendalikan oleh Wahab dan Ahmad (2009), sebanyak tiga buah filem yang mencapai tahap *Box Office* pada tahun 2005 yang mencatat kutipan sekitar RM 2 juta. Namun begitu, jika filem Hollywood yang ditayangkan menjadi trending, saluran *Box Office* akan dipenuhi oleh filem Hollywood. Akhirnya, masyarakat akan lebih memilih untuk menonton filem *Box Office* Barat berbanding tempatan dan menjejaskan tayangan filem tempatan. Perkara ini merupakan salah satu risiko yang dihadapi oleh para penerbit tempatan dan merupakan salah satu alasan filem tempatan tidak mendapat peluang untuk dikenali dan dipromosikan ke peringkat antarabangsa.

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dapat membantu masyarakat dan para penyelidik pada masa yang akan datang mengenai ilmu dalam bidang lakonan, perfileman serta dapat membantu masyarakat kini, terutamanya generasi muda untuk lebih mengenali lagi seniman-seniman negara terutama seniman perfileman yang kian dilupakan pada hari ini. Ini disebabkan oleh, maklumat-maklumat seniman tersebut sangatlah terhad dan sukar untuk didapati di mana-mana platform penyediaan maklumat seperti laman sesawang. Oleh yang demikian, dengan melaksanakan kajian ini dapat menyediakan sedikit sebanyak maklumat yang diperoleh hasil daripada sejarah lisan bersama seniman tersebut. Tambahan pula, maklumat-maklumat tersebut dapat membantu kita untuk mengenali artis veteran dengan lebih mendalam serta dapat mengetahui pengalaman dan sumbangan beliau sepanjang bergelar seorang seniman. Akhir sekali, kajian ini juga dapat membantu dalam usaha untuk mengetengahkan karya-karya kreatif yang dihasilkan oleh seniman-seniman negara pada waktu dahulu supaya tidak lapuk ditelan era globalisasi pada hari ini.

Rujukan

- Ashari, A. H. (2019). Asyik muka sama saja, artis veteran terabai. *Harian Metro*.
<https://www.hmetro.com.my/rap/2019/05/460953/asyik-muka-sama-saja-artis-veteran-terabai>
- Azam, N. (2019, August 21). 'Kak Limah' Rayu Jangan Lupa Bela Nasib Artis veteran. *Malaysiakini*.
<https://www.malaysiakini.com/hiburan/488884>
- Ahmad., F., U. (2018, December 25). Pelakon veteran Kurang Diberi Perhatian... Salah Siapa?. *Bebasnews.My*.
<https://bebasnews.my/2018/12/25/pelakon-veteran-kurang-diberi-perhatian-salah-siapa/>
- Awaludin., N., F. (2021, November 23). Terlalu kejarkan populariti, Mawi nasihat artis baru supaya persiapkan diri. *Sinar Harian*. <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=215341>
- Bernama. (2017, April 9). Ketiadaan unsur universal dan jalan cerita lemah punca filem tempatan tidak maju - Othman Hafsham. *Astroawani.com*. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/ketiadaan-unsur-universal-dan-jalan-cerita-lemah-punca-filem-tempatan-tidak-maju-othman-hafsham-138680>

- Bernama. (2022, March 23). Banyak artis memendam rasa, kerja penat tapi tidak dibayar - Wan Maimunah. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/banyak-artis-memendam-rasa-kerja-penat-tapi-tidak-dibayar-wan-maimunah-353196>
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2017). Lakon. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=lakon>
- Guo, Y. (2021, November 25). What Is Acting? OUP Academic. <https://academic.oup.com/jaac/article-abstract/80/1/58/6439669>
- Gopal, S. N., Musa, M., & Shanmugavelu, G. (2021). Implementasi Pendekatan Sejarah Lisan Bagi Mata Pelajaran Sejarah Peringkat Menengah Rendah dan Pra-Universiti. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19(2), 158-181. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/download/16582/8652>
- Gie, G. (2022, April 19). Pengertian Industri Kreatif dan Contoh Industri Kreatif di Indonesia. Accurate Online. <https://accurate.id/bisnis-ukm/pengertian-industri-kreatif/>
- Hassan, H., Abdullah, N., Hajjibok, Z., & Salleh, H. (2016). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 4(1), 51-63. <https://www.researchgate.net/publication/309011325>
- Haja Mohaideen, A. R., & Abu Bakar, M. S. (2018). Meneroka permasalahan tenaga modal insan dalam industri filem di Malaysia. In *Forum Komunikasi (FK)* 13(1) 41-56. Faculty of Communication and Media Studies, Universiti Teknologi MARA. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/30194/>
- Haron, N. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 44-58. <http://journalarticle.ukm.my/520/1/1.pdf>
- Ismail, N. (2008). Pemikiran Melayu dalam Filem Malaysia Abad ke-21. *Jurnal Melayu*, 3, 179-218. <https://www.academia.edu/download/31076936/1-Zulkiflee.pdf>
- Jefiri, S., S. (2021, March 19). 'Pelakon segera' perlu ada ilmu - Harian Metro. Harian Metro. 'Pelakon segera' perlu ada ilmu - Harian Metro
- Kamarulzaman, N. (2007). Kajian: bagaimana filem menyampaikan kesan psikologi seorang watak terhadap penonton. Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Sarawak. <http://ir.unimas.my/id/eprint/16951>
- Lin, S.H. (2020). Sejauhmanakah sejarah lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah? <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.2.27531.31527>
- Libretexts. (2021, March 9). 1.3: Who is Considered an Artist? What Does it Mean to be an Artist? Humanities LibreTexts. <https://human.libretexts.org/>
- Mahmud, F. H., & Mohd Sallehuddin, S. (2021). Artis veteran susut nilai. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2021/08/846079/artis-veteran-susut-nilai>
- Mahmud, F. H. (2021, April 9). Artis sekarang buru populariti, glamor. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2021/04/805141/artis-sekarang-buru-populariti-glamor>
- Mohd Sallehuddin, S. (2022, March 4). Demi periuk nasi artis veteran. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2022/03/929947/demi-periuk-nasi-artis-veteran>
- Omar, R., & AL, S. F. (2012). Penilaian semula historiografi Malaysia melalui sejarah lisan (Re-evaluating modern Malaysian historiography through oral tradition). *Geografia*, 8(2). <http://www.ukm.my/geografia/images/upload/8.geografia-peb%202012-themed%20issue-rahila&fatihah-ukm-22.2.pdf>
- Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa. (2025). Kepentingan Sejarah Lisan. <https://www.ukm.my/sphea/mengenai-kami/kemudahan-2/makmal-sejarah-lisan/>
- Riezman Khuzaimi. Interview. Conducted by Nur Ayu Nadhirah and Muhammad Haziq, 28 June 2022. <https://www.academia.edu/download/31076936/1-Zulkiflee.pdf>
- Saad, S. R. M., Mohamad, R. B. J., Jaafar, C. R. C., & Jan, N. A. W. (2012). Penukilan ilmu baharu melalui sejarah lisan. *Jurnal PPM*, 6, 63-76. http://eprints.usm.my/34074/1/10_Radia_12.pdf

Wahab, J. A., & Ahmad, M. (2009). Filem Box Office dan Ideologi: Satu Kajian Terhadap Filem-Filem Terpilih di Malaysia. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 8.
http://wacanaseni.usm.my/WACANA%20SENI%20JOURNAL%20OF%20ARTS%20DISCOURSE/JOURNAL_8%20PDF/2juliana.pdf

Zambry, A. (2022, April 14). 60 artis veteran disantuni DBKL, YWP. *Wilayahku*.
<https://www.wilayahku.com.my/60-artis-veteran-disantuni-dbkl-ywp/>